



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Embargo sehingga 15 Mac 2018, 5.30 petang**

### **YAB PERDANA MENTERI RAI ULANG TAHUN KE-40 PNB BERSAMA WARGA PNB**

**Kuala Lumpur, 15 Mac 2018:-** Permodalan Nasional Berhad (PNB), pengurus dana terbesar negara mencatatkan detik bersejarah hari ini dengan sambutan ulang tahunnya ke-40. Sambutan istimewa ini telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak bersama lebih seribu warga PNB di Menara PNB, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. YAB Perdana Menteri juga adalah Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) iaitu yayasan di mana PNB bernaung.

Turut hadir ialah YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Kewangan II yang juga merupakan Ahli Lembaga YPB, dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PNB dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, "Sempena menyambut ulangtahun PNB yang ke-40 ini, kita amat menghargai jasa dan pengorbanan kepimpinan terdahulu, bermula dengan Allahyarham Tun Ismail Mohamed Ali, pengerusi pertama PNB, diikuti dengan pengerusi seterusnya Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid. Kita juga menghargai barisan ketua pegawai eksekutif PNB yang terdahulu iaitu Tan Sri Mohd Desa Pachi, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd Taib, dan Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman yang telah membina PNB sehingga menjadi sebuah institusi nasional yang berintegriti."

Pemegang amanah YPB, ahli-ahli lembaga pengarah PNB dan ASNB, syarikat-syarikat di bawah naungan Kumpulan PNB, pihak pengurusan dan kakitangan serta para pemegang unit ASNB turut diberi penghormatan dan penghargaan atas sumbangan dan kepercayaan mereka kepada PNB.

Sejak penubuhannya pada tahun 1978, PNB telah mengubah lanskap korporat Malaysia bermula dengan 'Dawn Raid' pada 1981 sewaktu PNB berjaya mengambil semula pemilikan syarikat perladangan gergasi Guthrie Corporation PLC daripada pihak British. PNB kemudian terus membina kekayaan rakyat Malaysia menerusi pelaburan dalam syarikat-syarikat awam tersenarai di Bursa Malaysia yang kini mencecah RM200 bilion.

Antara syarikat strategik PNB kini termasuk Maybank, Sime Darby Berhad, Sime Darby Plantation Berhad, Sime Darby Property Berhad, S P Setia Berhad, UMW Holdings Berhad, UMW Oil & Gas Corporation Berhad, Chemical Company of Malaysia Berhad, CCM Duopharma Biotech Berhad dan MNRB Holdings Berhad. PNB dan unit-unit saham amanahnya adalah pemegang saham terbesar syarikat-syarikat tersebut. Dengan komitmen berterusan untuk menjana pulangan optimum kepada para pemegang unit, PNB telah melaksanakan pengagihan pendapatan sebanyak RM172 bilion sejak ditubuhkan.

"Bagi memastikan prestasi Kumpulan PNB terus kukuh di masa hadapan, Alhamdulillah, seluruh warga PNB telah bekerja dengan gigih sepanjang 2017 untuk melaksanakan kesemua 15 inisiatif dalam Pelan Strategik PNB 2017-2022 STRIVE-15 yang saya dan Dato' Rahman perkenalkan pada 2016. Pelan strategik ini tertumpu kepada peningkatan pulangan yang mampan, pengurusan pelaburan secara berkesan, dan memacu kecemerlangan operasi. Semuanya kini berjalan lancar dan kami berjanji akan membuat yang terbaik untuk manfaat lebih 13 juta pemegang unit dan semua rakyat Malaysia," tambah Tan Sri Abdul Wahid.

Ulang tahun PNB pada kali ini sangat bermakna bukan sahaja dengan kehadiran YAB Perdana Menteri tetapi beliau turut melancarkan identiti korporat baharu PNB yang selaras dengan inisiatif transformasi di bawah Pelan Strategik STRIVE-15. Imej baharu ini mencerminkan PNB yang lebih dinamik, telus dan tangkas menuju masa hadapan dan merealisasikan visi untuk menjadi sebuah institusi Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia.

PNB juga akan mengadakan Majlis Doa Selamat sempena ulang tahun ke-40 bersama rakan sekerja dan juga mantan lembaga pengarah, pengurusan serta rakan sekerja yang telah bersara di Menara PNB esok.

*-tamat-*

### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) yang kini mencapai lebih RM279 bilion. Portfolio PNB meliputi pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**